

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai data yang lengkap berhubung kait dengan yuran setiap pengajian di kolej atau universiti swasta, Adakah Kementerian mempunyai dasar yang selaras dalam penetapan yuran-yuran bagi setiap bidang pengajian atau '*course*' di kolej dan universiti swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang ditubuhkan di negara ini adalah dikawal selia dan tertakluk kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Kadar yuran pengajian di IPTS adalah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 40 (1) Akta 555 dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi menjamin kebajikan dan kepentingan pelajar.

Selain itu, kerajaan juga telah mewartakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] selaras dengan hasrat kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna dengan tidak dibebani caj perkhidmatan yang tinggi.

Yuran pengajian di IPTS merupakan salah satu sumber kewangan untuk menyokong kepada operasi sesebuah IPTS. Walau bagaimanapun, IPTS mestilah mematuhi siling atau had yuran pengajian yang diluluskan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dalam mana-mana kelulusan kursus pengajian. Kelulusan kadar yuran sesuatu kursus pengajian adalah berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh IPTS dan mengambil kira jenis program, infrastruktur, fasiliti untuk pengajaran dan pembelajaran, bidang dan jenis pengajian serta mengikut kadar pasaran semasa. Oleh itu, IPTS hanya dibenarkan mengenakan yuran yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian sahaja bagi setiap kursus pengajian yang ditawarkan kepada pelajar.

Yuran yang diluluskan oleh Kementerian bagi setiap IPTS boleh dicapai melalui laman sesawang Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) , KPM untuk melihat profil setiap IPTS dan yuran pengajian yang diluluskan. Berikut adalah link yang boleh dicapai melalui laman web JPT:https://drive.google.com/drive/folders/1vsunueyKymV81s55gmlKDh_jYiH9b_LUf. Sekian, terima kasih.